

JURANG MARIANA TITIK PALING DALAM DI DASAR LAUTAN



GUNUNG berapi lumpur melepaskan cecair karbon dioksida dan cecair sulfur di Jurang Mariana. - FOTO Twitter USFWSPacific

METRO AHAD 17/8/2023 MS: 23

Manila

Jurang Mariana adalah kawasan laut paling dalam di dunia terletak antara dua plat Bumi iaitu Plat Pasifik dan Plat Filipina.

Ia berada barat Lautan Pasifik, di timur Filipina dan dinamakan sempena Kepulauan Mariana. Jurang itu terletak kira-kira 193 kilometer dari pulau milik Filipina itu.

Titik paling dalam di sini dianggarkan 11,034 meter (m) di bawah permukaan laut, walaupun bahagian paling rendah yang diukur dengan tepat dikenali sebagai Challenger Deep terletak sedalam 10,911 m.

Menurut laman web Geographical, ini menjadikan Challenger Deep titik paling dalam yang diketahui di dasar lautan.

Sebagai perbandingan, jika Gunung Everest terletak di sini, ia masih berada dua kilometer di bawah permukaan air.

Jurang Mariana ditemukan kali pertama pada 1875 oleh kru kapal British, HMS Challenger (kini dikenali se-

bagai Challenger Deep) yang berjaya mengukur kedalaman sehingga 8,184 m menggunakan kaedah bunyi dan tali ladung.

Apa yang ada dalam Jurang Mariana?

Menurut Geographical, dari permukaan laut ke dasar, suhu di jurang itu berbeza-beza dan kadangkala terlampau sejuk.

Ada gunung berapi lumpur yang aktif membebaskan sulfur dan karbon dioksida.

Di bahagian dasarnya, suhu antara satu hingga empat darjah Celsius dan tiada cahaya menembusi kawasan itu.

Walaupun dalam keadaan kegelapan dan tekanan yang melampau (tekanan air di bahagian bawah adalah lebih daripada 1,071 kali ganda berbanding pada paras laut) terdapat kehidupan di dasarnya.

Sampel lumpur yang diambil di Challenger Deep oleh ahli oseanografi Jepun mendedahkan kira-kira 200 spesies mikroorganisma

yang berbeza termasuk jenis plankton dan cengkerang mikroskopik.

Terdapat juga *amphipod* yang juga antaranya seperti udang, dan gamat kecil yang dipanggil *holothurian*.

Spesies yang lebih besar juga ditemukan hidup pada kedalaman yang luar biasa di dalam jurang termasuk *hadal snailfish*, ikan kecil berwarna merah jambu dan tidak bersisik yang ditemukan hidup di kedalaman hampir 8,200 m.

Dragon fish, pemangsa yang mempunyai set gigi gergasi yang jauh lebih besar daripada badannya juga ada pada kedalaman antara 213 m hingga 1,828 m.

Selain itu, penyelidik mengenali pasti sotong kurita, 'cacing zombie' dan obor-obor laut dalam.

Siapa pernah sampai ke dasar Jurang Mariana?

Setakat ini, hanya tiga orang manusia pernah menjelajah Jurang Mariana. Pada 1960, ahli oseanografi, Jacques Piccard dan Letenan Tentera Laut AS Don



JURANG Mariana adalah lebih dalam berbanding ketinggian Gunung Everest. - FOTO Twitter USFWSPacific



JURANG Mariana menjadi tempat tinggal pelbagai spesies hidupan laut. - FOTO Twitter USFWSPacific

11,034m

Kedalaman jurang Mariana daripada permukaan.

Walsh berjaya mencapai kedalaman Challenger Deep menggunakan kapal selam Tentera Laut AS.

Namun mereka berdua hanya berada di situ selama 20 minit kerana tidak dapat bertahan dengan tekanan tinggi di dasar laut.

Pada 2012, apabila seorang penerbit filem fiksyen sains, James Cameron membuat penyelaman secara solo di Challenger Deep menaiki kapal selam yang direkannya sendiri.

Cameron berada di dasar laut selama tiga jam, namun tekanan yang terlampau kuat menjejaskan peralatannya.

Terbaru, pada Mei 2019, pegawai tentera laut AS, Victor Viscovo melengkapkan misi selaman paling dalam dengan mencapai kedalaman 10,927 m di kawasan selatan jurang itu.